

BERITA HARIAN

DATE: 16 / 3 / 2008

PM pastikan ekonomi kukuh

Negara berupaya tangani kemelesetan, inflasi kesan kenaikan harga minyak dunia

PUTRAJAYA: Kerajaan akan terus memastikan ekonomi berkembang pada kadar yang menggalakkan bagi memastikan rakyat mempunyai pendapatan tambahan untuk menghadapi inflasi yang dicetuskan oleh cabaran luaran seperti harga minyak mentah yang semakin meningkat.

"Bukan mudah," kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sambil menegaskan bahawa ini membabitkan usaha memastikan rakyat mempunyai lebih banyak wang dalam saku mereka melalui usaha mewujudkan peluang meraih lebih pendapatan.

Dalam wawancara selama 30 minit dengan Bernama TV semalam, Perdana Menteri berkata, pentingnya

“ Pada dasarnya ekonomi negara kukuh, manakala pasarannya cukup pelbagai dan tidak bergantung hanya kepada Amerika Syarikat ”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

usaha mengurus inflasi, dan komitmen kerajaan dalam memastikan rakyat tidak menderita akibat lonjakan harga minyak mentah.

Pada Jumaat, kontrak minyak utama New York, minyak mentah rendah sulfur bagi penghantaran April, turun 12 sen AS kepada AS\$110.21 (AS\$1=RM3.16) setong.

"Kita mahu pertumbuhan ekonomi yang mapan," katanya sambil menyoal keyakinan bahawa kerajaan mempunyai keupayaan untuk menangani dan mengurus inflasi yang disebabkan harga minyak yang melambung.

Ekonomi Malaysia berkembang pada kadar hebat sebanyak 7.3 peratus dalam suku keempat 2007,

menghasilkan keluaran dalam negara kasar yang membanggakan sebanyak 6.3 peratus bagi keseluruhan tahun lepas.

Pertumbuhan tahun lalu adalah yang terpanas bagi Malaysia sejak suku kedua 2004 apabila ekonomi berkembang sebanyak 7.9 peratus.

Ditanya sama ada ekonomi cukup berdaya tahan untuk menghadapi kelembapan ekonomi, Abdullah berkata, pada dasarnya ekonomi negara kukuh, manakala pasarannya cukup pelbagai dan tidak bergantung semata-mata kepada Amerika Syarikat (AS).

Katanya, perdagangan Malaysia dengan AS sekarang kurang daripada 18 peratus, berbanding 26 peratus dengan negara Asean.

Sementara itu, beliau berkata, program transformasi syarikat berkaitan kerajaan (GLC) akan diteruskan.

Bulan lalu, kata Abdullah, program transformasi yang dilaksanakan bagi GLC berjaya meningkatkan keuntungan syarikat itu dengan pemegang saham meraih pulangan yang lebih baik daripada pelaburan mereka.

Beliau berkata, kerajaan mesti memastikan rakyat menikmati keselamatan dan keamanan.

"Itu adalah prasyarat paling penting. Bagaimana kita mengurus kerajaan, itu akan diperhatikan dengan teliti. Apa yang kita janjikan, akan kita kotakan," katanya. - Bernama